

Kasino Genting: PM akan umum larangan ke atas umat Islam

KUALA LUMPUR, Isnin — Larangan umat Islam memasuki kasino di Genting Highlands akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan mengumumkannya.

Persiapan-persiapan terakhir telah diatur untuk memindahkan pekerja-pekerja Islam di Casino de Genting ke bahagian lain seperti hotel, restoran, bahagian kakitangan am dan sebagainya.

Setakat ini, hanya 30 pekerja Islam sahaja masih bekerja di kasino itu dari jumlah 300 orang sehingga tahun lalu. Mereka akan dipindahkan berperingkat-peringkat sehingga semuanya bertukar kerja.

Kemungkinan besar pegawai-pegawai tertentu akan ditugaskan untuk mengenali antara pelawat Islam dan bukan Islam yang memasuki kasino itu, termasuk pengunjung luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim ketika ditemui hari ini berkata, larangan itu akan berkuatkuasa sedikit masa lagi.

"Terpulang kepada Perdana Menteri untuk mengumumkannya," katanya.

Kata beliau, untuk melarang umat Islam berjudi di kasino itu tidak munasabah selagi terdapat pekerja Islam di situ.

"Pihak pengurusan Genting

Highlands perlu memindahkan pekerja-pekerja itu terlebih dahulu sebelum larangan umat Islam berjudi di kasino dikuatkuasakan," tegas beliau lagi.

Tinjauan Berita Harian ke kasino itu minggu lalu menunjukkan bilangan pekerja Islam di situ kian kurang berbanding tahun lalu. Kira-kira 10 pekerja Islam sahaja bekerja dalam satu-satu giliran dari jumlah hampir 200 orang.

Tinjauan juga mendapati pengunjung Islam yang berjudi di kasino kian berkurangan, walaupun larangan belum dikuatkuasakan.

Pihak Genting Highlands mungkin

menghadapi masalah menukarkan pekerja di kasino ke bahagian lain kerana gaji dan ganjaran yang mereka perolehi lebih lumayan.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sendiri sedang membuat pindaan Enakmen Pentadbiran Syariah Selangor 1952 untuk memasukkan satu fasal melarang umat Islam di Wilayah Persekutuan mencari nafkah dengan bekerja di kilang membuat minuman keras dan menjual minuman haram itu.

Draf undang-undang itu kini diteliti oleh Pengarah JAWI, Encik Mohd. Isa Haji Mohd. Yassin dan dijangka dikuatkuasakan akhir tahun ini.